



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Islam mengajar kita untuk berbelas kasihan kepada semua makhluk termasuk haiwan sekalipun.

Rahmat atau di dalam bahasa Arab ‘rahmah’ mempunyai makna yang sangat luas meliputi kebaikan, belas kasihan, kasih sayang, toleransi dan sabar.

Kita perlu melayan orang lain seperti mana kita mahu orang lain melayani kita.

Inilah teras mesej kenabian dan makna

iman seperti ajaran nabi terdahulu. Semua umat Islam hendaklah berusaha menjadi ejen rahmat di atas bumi ini kepada semua makhluk ciptaan Allah SWT.

Firman Allah dalam **surah al-Anbiya, ayat 107** yang bermaksud: “Dan tiadalah Kami mengutus kamu (Wahai Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.”

Selain itu, Allah juga berfirman yang bermaksud: “Dan dia termasuk orang-orang yang beriman dan saling berpesan-pesan dengan kesabaran dan saling berpesan dengan berkasih sayang.” (**Surah al-Balad, ayat 17**)

Rahmat Allah adalah

untuk seluruh manusia di atas muka bumi ini dan semua yang terkandung di dalamnya. Ia tidak seperti dakwaan mengatakan Islam adalah rahmat untuk orang Islam sahaja.

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: “Sesiapa yang tidak mengasihi, maka dia tidak akan dikasihi.”

Bukan hanya kita kasih kepada manusia sahaja tetapi juga kasih kepada haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

Semua makhluk ciptaan Allah SWT mempunyai hak dalam Islam. Begitulah tanggungjawab umat Islam untuk mempertahankan dan melindungi hak mereka itu.

Dalam satu hadis saih Riwayat al-Bukhari, Abu Hurairah berkata: “Ketika seorang lelaki berjalan, dia berasa dahaga. Lalu dia masuk ke dalam sebuah pergi dan meminum air daripadanya. Kemudian dia keluar. Tiba-tiba dia terlihat seekor anjing sedang menjelir-jelir dan menjilat tanah lembap kerana dahaga. Lalu dia berkata: Anjing ini merasai apa yang aku rasai sebentar tadi. Setelah itu dia memenuhi air di dalam kasutnya, kemudian dia mengigit (kasut itu) dengan kedua-dua mulutnya sambil memanjang naik ke atas lantas memberi anjing itu minum. Allah berterima kasih kepada lelaki itu lalu

mengampuni dosanya. Para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah, sekiranya kami berbuat baik kepada haiwan, adakah kami akan mendapat balasan kebaikan?”

Rasulullah bersabda: “Pada setiap hati yang lembut, pastinya mendapat pahala. Satu-satunya cara untuk memastikan rahmat dan kasih kepada kita pada Hari Pembalasan ialah kasih kita kepada semua ciptaan.”

Allah tidak mengasihi mereka pada hari akhirat kepada yang tidak kasih kepada manusia dan semua ciptaan-Nya. Nabi SAW pernah bersabda: “Sesiapa yang tidak mengasihi, maka tidak akan

dikasihi.” (**Riwayat al Bukhari**)

Oleh yang demikian, berbelas kasihan atau kasih kepada orang lain bukan hanya memberi manfaat kepada mereka ketika di dunia irti sahaja malah kita juga mendapat manfaatnya di akhirat kelak.

Lebih daripada itu, Islam dapat dilihat sebagai agama kasih sayang dan bukan di sebaliknya. Nabi memperlihatkan bagaimana rahmat kepada musuh dan mereka yang pernah menindas diri serta sahabatnya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM